

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-616
BIL. 10/2025 PADA 13 OKTOBER 2025**

**1. UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA PEGAWAI MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI YANG AKAN BERSARA**

MBSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Puan Noorhanis Binti Noordin**, Pengarah Bangunan MBSP yang akan bersara wajib berkuatkuasa **17 Oktober 2025**. Beliau telah berkhidmat selama 30 tahun di dalam Perkhidmatan Awam termasuk lapan (8) tahun di Majlis Bandaraya Seberang Perai. Semoga beliau terus berjaya di dalam apa jua bidang yang akan diceburi kelak.

2. PROGRAM KUIZ ONLINE CELIK STRATA 2025

Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSP akan melaksanakan **Program Kuiz Online Celik Strata 2025** bersempena Sambutan Bulan Hari Bandaraya Kali Ke-6 Tahun 2025.

Program akan dilaksanakan bermula pada 24 Oktober 2025 (Jumaat) hingga 26 Oktober 2025 (Ahad). Kuiz akan dilaksanakan secara dalam talian (*online*) menggunakan platform *Google Form*. Paparan visual berkaitan program akan disiarkan mulai 21 Oktober 2025 hingga 23 Oktober 2025 untuk panduan/rujukan bagi memudahkan peserta menjawab kuiz.

Penyertaan adalah terbuka kepada pemilik, penghuni, ahli jawatankuasa JMB/MC dan orang awam yang berminat.

Hadiah kemenangan berupa **wang tunai** dan **sijil penyertaan** seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Johan	400.00
2.	Naib Johan	300.00
3.	Saguhati RM150.00 x 4 orang	600.00
Jumlah		1,300.00

Penyampaian hadiah akan diadakan dalam Program Celik Strata 2025 iaitu pada 15 November 2025 (Sabtu).

Promosi kuiz akan diuar-uarkan melalui **media sosial rasmi MBSP** serta hebahan kepada **JMB/MC** dan **komuniti strata** melalui e-mel.

Program Kuiz Online Celik Strata merupakan salah satu inisiatif COB bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan strata, khususnya dalam kalangan pemilik, penghuni serta pihak yang terlibat secara langsung dengan skim perumahan berstrata di bawah pentadbiran MBSP.

Oleh itu, sebarang pertanyaan berkaitan program boleh hubungi Jabatan Pesuruhjaya Bangunan di talian **04-5497789 / 787**.

3. SELAMAT MENYAMBUUT HARI DEEPAVALI

Saya ingin merakamkan ucapan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada seluruh masyarakat India yang beragama Hindu di seluruh Seberang Perai khususnya serta di Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya. Sambutan Hari Deepavali akan disambut pada 20 Oktober 2025 (Isnin) dan merupakan hari kelepasan am bagi Negeri Pulau Pinang.

Perayaan ini bukan sahaja melambangkan kemenangan cahaya mengatasi kegelapan, malah menjadi lambang perpaduan, keharmonian dan kepelbagaian budaya yang menjadi kekuatan utama bandar kita.

Marilah kita sama-sama mengekalkan semangat muhibah, saling hormat-menghormati dan meraikan kepelbagaian ini dalam suasana aman dan sejahtera.

Di kala musim perayaan ini, saya ingin mengingatkan supaya berhati-hati semasa pulang ke kampung dan sentiasa menjaga kesihatan anda sekeluarga.

Sekian, terima kasih.